

Lelaki mengaku cederakan lelaki lain dengan kayu

MIRI: Seorang lelaki mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan seorang individu lain menggunakan sekeping kayu bergergaji.

Tertuduh, Marzulino Said, 50, dari Piasau Jaya 1 di sini, didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang boleh membawa hukuman penjara hingga 10 tahun atau denda atau sebat atau dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan ke atas Syukri Suboh, 48, dengan senjata yang boleh menyebabkan kematian iaitu sekeping kayu bergergaji.

Dia didakwa melakukan

kesalahan itu pada jam 4 petang, 24 Oktober lalu di Masjid At Taqwa Miri.

Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry memohon ditetapkan tarikh baharu untuk mengemukakan fakta kes dan menjatuhkan hukuman ke atas tertuduh.

Majistret Sandy Yvette Freddy membenarkan permohonan itu dan menetapkan 7 November ini untuk sebutan lanjut kes, manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam bela dibebaskan dengan jaminan RM3,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Sekiranya gagal menjelaskan jaminan, tertuduh diperintahkan supaya ditahan lanjut di bawah Seksyen 259 Kanun Prosedur Jenayah.